

Beberapa jalan tidak dapat dilalui kenderaan ekoran dinaiki air

Lembah Klang dilanda banjir kilat

Oleh SYED AZLAN SAYID HIZAR

KUALA LUMPUR – Hujan lebat selama dua jam yang bermula pada pukul 1.30 petang semalam telah menyebabkan beberapa kawasan di Lembah Klang dilanda banjir kilat.

Kawasan-kawasan itu termasuk Jalan Bangsar, Jalan Lengkok Raja Abdullah dan Jalan Kerinchi.

Ketua Pusat Gerakan Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur, Samsol Maarif Saibani berkata, banjir kilat tersebut telah menyebabkan pergerakan kenderaan ringan seperti kereta dan motosikal menjadi sukar.

“Terdapat beberapa buah kereta yang diletakkan di tepi jalan turut ditenggelami air sehingga 0.6 meter disebabkan kegagalan sistem perparitan berfungsi sepenuhnya.

“Air mulai surut kira-kira pukul 5 petang ketika orang mulai pulang bekerja dan kejadian ini menyebabkan kesesakan teruk berlaku di ibu negara,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Sementara itu, banjir kilat turut melanda jalan berhampiran pusat beli-belah IOI Mall Puchong, Selangor.

Menurut Penolong Pengarah Operasi Bomba dan Penyelamat Selangor, Mohd. Sani Harul berkata, hujan lebat melanda sekitar kawasan tersebut kira-kira pukul 3.40 petang sehingga 5 petang.

“Kenderaan yang diletakkan di kawasan letak kereta di pusat beli-belah itu turut ditenggelami air setinggi 0.3 meter hingga 0.6 meter,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mohd. Sani bagaimanapun berkata, banjir kilat itu tidak melibatkan kemalangan jiwa.



BERPULUH buah kereta yang diletakkan berhampiran pusat beli belah IOI Mall Puchong tenggelam akibat banjir kilat semalam.



IMEJ rakaman televisyen litar tertutup menunjukkan air mula naik di Jalan Pantai Baharu, Kuala Lumpur pada petang semalam.



AIR yang naik di Jalan Bangsar, Kuala Lumpur selepas hujan lebat selama dua jam menyukarkan penunggang motosikal dan pemandu kenderaan meneruskan perjalanan semalam.